

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10/01/2018

Pakatan ketandusan calon layak jadi PM

➔ Gabungan dianggap kini main wayang kesatuan kukuh, sepakat

Oleh Amin Ridzuan Ishak dan Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Pakatan Harapan yang diterajui DAP tidak mempunyai pemimpin berwibawa untuk dipilih sebagai Perdana Menteri jika mereka menang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Pengerusi Perhubungan UMNO Selangor, Tan Sri Noh Omar, berkata pakatan pembangkang juga dilihat terdesak apabila mencalonkan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri biarpun keputusan itu dibantah PKR pada mesyuarat Majlis Pakatan Harapan, Ahad lalu.

Beliau berkata, sebelum ini, pemilihan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sebagai Menteri Besar Selangor turut menjadi contoh ke-

pada ketandusan pemimpin berwibawa dalam kalangan parti pembangkang.

"Ketika PKR menang di Selangor pada PRU-13, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dipilih jadi Menteri Besar, tetapi jika diikutkan jawatan dalam parti, Azmin ketika itu Timbalan Presiden, namun dia sendiri tidak diiktiraf partinya ketika itu yang lebih percaya kepada Abdul Khalid untuk menerajui Selangor.

"Sewaktu Abdul Khalid dipecat sebagai Menteri Besar pada Ogos 2014 kerana didakwa mengingkari keputusan mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat PKR, Azmin juga tidak dipilih, malah PKR sebulat suara memilih Presiden PKR, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai calon Menteri Besar Selangor yang baharu dengan mengadakan Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang.

"Jadi berdasarkan situasi ini, kita boleh lihat masalah ketandusan pemimpin dalam pakatan pembangkang," katanya pada sidang media selepas Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017 dan Majlis Jasamu Dikenang 2018 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di sini, semalam.

Noh berkata demikian bagi menegulus laporan media mengenai

tindakan PKR membantah pemilihan Dr Mahathir sebagai calon Perdana Menteri walaupun dipersejutujui DAP, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dan Parti Amanah Negara (PAN).

Selain itu, beliau berkata, menjadi kebiasaan bagi bekas pemimpin UMNO diberikan jawatan apabila menyertai pakatan pembangkang.

"Jika pemimpin UMNO yang melompat parti, pasti mendapat jawatan yang lebih tinggi, namun berbeza dengan UMNO yang mempunyai sistem dalam memilih pemimpin," katanya.

Lakonan kaburi rakyat

Sementara itu, di Kuantan, ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin, berkata parti gabungan pembangkang kini dianggap hanya bermain wayang yang kononnya menunjukkan kesatuan kukuh sedangkan realiti sebenarnya adalah sebaliknya.

Timbalan Pengerusi UMNO Pahang itu juga berkata, dakyah kononnya Dr Mahathir dan Anwar sudah berbaik antara satu sama lain hanya lakonan hebat untuk mengaburi rakyat walaupun sebenarnya kedua-dua mempunyai perancangan tersendiri melihat kepada sejarah permusuhan mereka.

"Pakatan wayang ini tidak mam-

pu bertahan, dulu Dr Mahathir kata Anwar penggantinya sebagai Perdana Menteri tetapi akhirnya beliau membuangnya dengan cara sedemikian rupa.

"Anwar pula pernah bangkitkan mengenai kekayaan anak Dr Mahathir. Kita tunggu dan lihat sejauh mana mereka mahu bermain wayang sesama sendiri...kita semua tahu Dr Mahathir mahu anaknya (Datuk Seri Mukhriz) menjadi Perdana Menteri dan bukan orang lain," katanya ketika dihubungi BH, di sini, semalam.

Mohd Sharkar berkata, parti dan ahli pakatan pembangkang dilihat sanggup mengetepikan prinsip perjuangan masing-masing bagi mencapai cita-cita peribadi serta menjatuhkan Kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Dahulu mereka maki hamun Dr Mahathir dan sekarang mereka peluk cium dia, ini bukti jelas pemimpin parti pembangkang tidak ada prinsip serta maruah.

"Saya yakin ramai ahli PKR sekarang berduka lara apabila Dr Mahathir diangkat calon Perdana Menteri pakatan pembangkang, perjuangan dalam PKR yang diwujudkan bagi menentang Dr Mahathir di atas tindakannya terhadap Anwar hanya sia-sia," katanya.

BH-10/1/2018
P3.7